

UMS Tuan Rumah Konvensyen MUNCH 2019 Kali Pertama

Terakhir dikemaskini: Selasa, 06 Ogos 2019 16:18 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 158

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


SELASA, 6 OGOS –
Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi tuan rumah bagi konvensyen *1st Malaysian Universities National Convention (MUNCH) 2019* buat julung kalinya yang diadakan di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) UMS bermula kelmarin.

Konvensyen yang berlangsung selama dua hari itu menghimpunkan lebih 140 peserta yang mewakili Pusat Kesihatan Universiti (PKU) bagi 20 Universiti Awam di Malaysia, selain penyertaan wakil dari hospital dan agensi swasta.

Menurut Naib Canselor UMS, Prof. Dr. Taufiq Yap Yun Hin, konvensyen ini diharap akan dapat mengumpul dan menyebarkan maklumat-maklumat berkaitan bidang kesihatan secara optimum agar dapat memanfaatkan peserta dan PKU yang diwakili.

“Penyebaran pengetahuan berkaitan isu-isu semasa dalam bidang kesihatan khususnya di Universiti Awam akan disusun semula oleh ahli-ahli profesional yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing bagi manfaat kepada kampus universiti secara keseluruhannya.

“Kemajuan dalam penyediaan penjagaan kesihatan di universiti sering memerlukan perubahan minda, yakni minda inovatif yang sanggup memecahkan halangan yang menyekat kemajuan tidak kira sama ada anda ahli akademik atau penyedia penjagaan kesihatan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan perasmian konvensyen tersebut, yang dibacakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof. Madya Ts. Dr. Ramzah Dambul di Auditorium FPSK.

Justeru menurut Prof. Dr. Taufiq, penganjuran konvensyen ini adalah tepat pada masanya dalam membantu memfokuskan dan menyusun semula objektif bagi memastikan penyediaan perkhidmatan yang berkualiti dan mengekalkan kesihatan optimum bagi semua warga universiti.

“Dengan menggabungkan usaha pelbagai disiplin dari universiti yang berlainan, kita dapat belajar dari pengalaman dan pencapaian masing-masing, serta meningkatkan standard dan kualiti penjagaan kesihatan kepada warga universiti,” ujar beliau.

Hadir sama pada majlis tersebut Dekan FPSK, Prof. Dr. Mohammad Saffree Jeffree; Ketua Pegawai Eksekutif Hospital UMS, Prof. Dr. Helen Benedict Lasimbang; Pengurus Majlis Kesihatan Universiti Awam Malaysia, Prof. Dr. Durrishah Idrus; dan pengurus pengajur konvensyen, Prof. Madya Dr. Mohd Nazri Mohd Daud.